

**KAMPUS & PENDIDIKAN**

19 FEB, 2025

Tahniah UMT! Rekod pendapatan kasar RM1.6j! 11 start-ups! Aktiviti pengkomersialan penyelidikan!**@editor 1**

Editor Satu di KitaReporters >> Boleh emel kepada kita.reporters@gmail.com atau editor.kitareporters@gmail.com & Editor Satu di UtusanPress >> Boleh emel kepada utusan.press@gmail.com

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus mencatat kejayaan dalam dalam aktiviti pengkomersialan penyelidikan dengan merekodkan pendapatan kasar sebanyak RM1.6 juta menerusi 11 syarikat pemula (startup companies) yang didaftarkan oleh penyelidiknyanya sepanjang tahun 2024.

Naib Canselor UMT, Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim berkata, usaha itu bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi negara tetapi turut membuka peluang pekerjaan kepada graduan UMT serta universiti lain.

“Setakat ini, 16 staf telah diambil bekerja di syarikat pemula ini, termasuk lapan alumni UMT, tujuh graduan dari institusi lain, serta seorang pelajar UMT yang sedang menjalani latihan industri,” katanya dalam Majlis Apresiasi Pengkomersialan Produk Penyelidikan UMT yang berlangsung di sebuah hotel di Kuala Terengganu pada 11 Februari 2025.



Antara kejayaan utama yang diraikan dalam majlis itu adalah pencapaian Bee Lab Sdn. Bhd., yang berjaya memperoleh geran RM100,000 daripada Cradle Sdn. Bhd. bagi membangunkan produk penyelidikannya.

Selain itu, UMT turut mencatat perkembangan positif melalui penubuhan syarikat spin-off pertama, JSORB Spill Tech Sdn. Bhd yang mana 60% ekuiti dipegang oleh UMT Holdings Sdn. Bhd., manakala 40% lagi dimiliki oleh dua penyelidik UMT iaitu Profesor Madya Ts. Dr. Lee Oon Jew dan Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sabri Mohd Ghazali daripada Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM).

“Kerjasama erat antara UMT dan industri telah membantu membawa penyelidikan ke pasaran dengan lebih berkesan. Beberapa syarikat seperti Akuatrop Sdn. Bhd., ZEEC Tech Sdn. Bhd., Eastar Biotech Sdn. Bhd., dan Superfood Biotech Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian pelesenan harta intelek dengan UMT,” tambahnya.

Walaupun UMT telah mencatat kejayaan, cabaran dalam aspek pembiayaan, paten, dan strategi pemasaran masih menjadi antara isu utama yang dihadapi penyelidik dalam pengkomersialan produk mereka.

Namun begitu, inisiatif seperti Pelan Hala Tuju RDICE yang diluluskan dalam mesyuarat Majlis Sains Negara pada Mei 2024 diharap dapat memberikan lebih banyak sokongan kepada universiti dan penyelidik dalam usaha memperkasa inovasi mereka.

RDICE merujuk kepada usaha mengenai Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (Research, Development, Innovation, Commercialisation and Economy).



“Kami di UMT sentiasa menyokong penyelidik dan berharap lebih banyak produk inovasi dapat menembusi pasaran global,” kata Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim.

Majlis Apresiasi Pengkomersialan Produk Penyelidikan UMT itu turut menyaksikan penghargaan diberikan kepada Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) UMT yang mencatat pencapaian cemerlang dalam penilaian MyRA (Taksiran Penyelidikan Malaysia atau Malaysia Research Assessment) bagi tahun 2024, khususnya di Seksyen E (Inovasi) dengan markah 13.45, melebihi sasaran keseluruhan 13.00. - **KitaReporters/Kenyataan Media**